



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**5 Julai 2023
16 Zulhijjah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Setiap hari proses 500kg ikan
Kosmo !	• Bantuan perikanan bantu penternak ikan Sungai Pahang
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	25	5/7/2023



NELAYAN melakukan kerja meleraikan ikan pada pukat yang dibawa pulang.



PROSES menyiang ikan sebelum dijadikan ikan kering.

SETIAP HARI PROSES 500KG IKAN

Tauke ikan kering tak menang tangan penuh permintaan pelanggan seluruh negara

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Jertih

“Setiap hari kira-kira 500 kilogram (kg) ikan akan diproses untuk dijadikan ikan kering dan jeruk bagi memenuhi permintaan pelanggan dari seluruh negara,” kata Norhayati Mohamed, 37, dari Kuala Besut, dekat sini.

Menurutnya, ikan-ikan yang siap diproses akan dijemur untuk dikering atau dijeruk dengan bergantung kepada jenis ikan seperti gelama, selar kuning, tamban sisik, selar pucat, talam, tenggiri dan sebagainya.

“Bekalan ikan diperolehi melalui aktiviti nelayan secara sendiri kerana saya turut mempunyai bot gentian kaca dan dekerja yang akan ke laut untuk menangkap ikan.

“Kerja memproses ikan biasanya tidak mengikut masa kerana nelayan membawa pulang hasil laut bergantung kepada hasil tangkapan yang diperolehi,” katanya.

Menurutnya, penggunaan garam dalam proses membuat ikan masin dan jeruk memerlukan penelitian kerana ia perlu direndam pada kadar tertentu sebelum dijemur.

Katanya, proses menjemur ikan kering memerlukan cuaca panas sepenuhnya dan kebiasaannya mengambil masa antara satu hingga dua hari.

“Manakala ikan jeruk pita, ikan akan terus kekal di dalam air garam sehingga boleh dijual kepada pelanggan dan biasanya pemborong akan datang terus ke bengkelnya untuk mendapatkan stok ikan kering dan jeruk.

“Ikan yang siap diproses dijual secara borong dan runcit dengan

PROSES menjemur ikan kering memerlukan cuaca panas sepenuhnya dan kebiasaannya mengambil masa antara satu hingga dua hari.



harga RM12 hingga RM22 sekilogram dan pasaran ikan kering serta jeruk ini datang dari seluruh negara.

“Walaupun nampak mudah, namun ia tidak semudah disangka kerana banyak proses yang perlu dilalui untuk menyiapkan produk berasaskan hasil laut ini,” katanya.

Katanya, dia mendapati permintaan terhadap ikan kering dan jeruk sememangnya tinggi, malah ada masanya tidak mencukupi.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH	
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		
						14	5/7/2023

* Bantuan perikanan bantu penternak ikan Sungai Pahang

TEMERLOH - Kejadian sangkar ikan yang musnah selepas hanyut akibat arus deras Sungai Pahang tahun lalu membuatkan dua penternak ikan sangkar di Kuala Krau, di sini hilang punca pendapatan kerana tidak mampu mengusahakan semula sangkar ikan berkenaan.

Kejadian tahun lalu itu menyaksikan Mohd. Sakirim Rasi Samudin, 39, dan Mohamad Sa'ari Ariffin, 50, masing-masing hilang 14 sangkar ikan yang musnah selepas ditimpa pokok dan dihanyutkan arus deras.

Namun tindakan proaktif Jabatan Perikanan menghulurkan bantuan berjaya memastikan 'survival' penternak ikan sangkar ini yang berjaya meneruskan dan mengembangkan penternakan ikan sangkar.

Mohd. Sakirim berkata, dia tidak menyangka mampu meneruskan penternakan ikan sangkar selepas hampir kesemua sangkar ikan bersama ikan diternakannya musnah tahun lalu.

"Alhamdulillah tindakan segera Jabatan Perikanan yang menyalurkan bantuan sangkar ikan, benih dan makanan ikan dapat memastikan saya terus memelihara ikan.

"Kini saya sudah dapat mengembangkan penternakan ikan sangkar dengan mempunyai



MOHAMAD SAKIRIM (dua dari kanan) menerima sumbangan benih ikan daripada Jabatan Perikanan di Kuala Krau, Temerloh semalam.

24 sangkar ikan hasil bantuan Jabatan Perikanan dan pelbagai pihak serta usaha saya bersama keluarga," katanya selepas menerima sumbangan benih ikan patin dan lampam di Sungai Pahang, di Kuala Krau di sini semalam.

Mohd. Sakirim yang mewakili tujuh penternak ikan menerima kira-kira 26,000 benih ikan patin dan lampam yang diserahkan wakil Jabatan Perikanan Pahang.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Perikanan Pahang, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, pelbagai bantuan disalurkan jabatannya kepada penternak terjejas termasuk Mohd. Sakirim dan Mohamad Sa'ari.

Katanya, melalui bantuan itu, kedua-dua penternak tersebut telah berjaya menjual sebanyak 2,800 kilogram ikan patin dan 1,750 ikan tilapia dalam tempoh Januari hingga April lalu.